

SOALAN LAZIM UNIT INTEGRITI MAJLIS DAERAH KERIAN

1. Apakah fungsi Unit Integriti Majlis Daerah Kerian?

Unit Integriti bertanggungjawab menguruskan aspek integriti di Majlis Daerah Kerian seperti menerima aduan integriti, menguatkuasakan pelan antirasuah organisasi (OACP), menilai dan mengendalikan kelemahan sistem dan tatacara kerja serta memastikan tadbir urus dan akauntabiliti dijalankan dengan telus.

2. Apakah itu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Daerah Kerian?

OACP MDK 2021 – 2025 adalah dokumen rujukan yang menyenaraikan tindakan menyeluruh dan bersepada bagi usaha mencegah rasuah berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan arahan kerajaan.

3. Bagaimana pengadu boleh membuat aduan integriti kepada Majlis Daerah Kerian?

Pengadu boleh membuat aduan melalui beberapa saluran sepertimana berikut:

- i. Aduan boleh disampaikan kepada Ketua Unit Integriti (Encik Mahzan bin Morat) dan Ahli Majlis (Clerk Imran bin Mohd Yusof)
- ii. Telefon ke nombor 05-716 1228 sambungan 118
- iii. Whatsapp ke nombor 011-62601228
- iv. Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke nombor 011-62601228
- v. Surat menyurat kepada Ketua Unit Integriti, No. 1 Wisma MDK, Jalan Padang, 34200 Parit Buntar, Perak.
- vi. Emel kepada unitintegriti@mdkerian.gov.my
- vii. Borang aduan integriti secara atas talian (
<https://www.mdkerian.gov.my/index.php/mdkerian/integriti-mdkerian/aduan-integriti>)

4. Apakah jenis aduan yang boleh dikemukakan di bawah integriti?

Jenis aduan integriti yang boleh dikemukakan seperti berikut:

- i. Perbuatan rasuah
- ii. Penyelewengan
- iii. Salah guna kuasa
- iv. Kelemahan sistem dan tatacara kerja
- v. Salah laku kakitangan

5. Apakah polisi-polisi yang digunakan oleh Majlis Daerah Kerian berkaitan integriti dan antirasuah?

Polisi yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- i. Polisi Anti-Bribery Management (ABMS)
- ii. Polisi Konflik Kepentingan
- iii. Polisi Aduan Integriti
- iv. Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah, Hospitaliti, Sumbangan dan Tajaan

6. Dimana saya boleh rujuk maklumat lanjut berkaitan Unit Integriti Majlis Daerah Kerian?

Maklumat Lanjut, Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan perihal berkaitan Unit Integriti Majlis Daerah Kerian boleh lihat di pautan <https://www.mdkerian.gov.my/index.php/mdkerian/integriti-mdkerian>